

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

RGE 459 - Pentadbiran Tanah

Tarikh: 2 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

Sekurang-kurangnya DUA soalan mesti dijawab dari setiap Bahagian A dan B.

Gunakan buku jawapan yang berasingan bagi setiap bahagian.

Bahagian A

1. Berikan takrifan ungkapan berikut serta contoh untuk memudahkan penerangan anda:
  - (a) 'Tanah' seperti yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara.
  - (b) Lekapan
  - (c) Prinsip Tirai
  - (d) Prinsip Cermin

( 20 markah )

2. (a) Senaraikan kuasa am seorang Pentadbir Tanah seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 15 Kanun Tanah Negara.

( 10 markah )

...2/-

- (b) Di dalam Kanun Tanah Negara, tanah dikategorikan kepada 3 jenis dan beberapa syarat dikenakan pada setiap jenis tersebut. Nyatakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas tanah bangunan.

( 10 markah )

3. Hakmilik sementara merupakan satu ciri baru yang diperkenalkan oleh Kanun Tanah Negara. Nyatakan tujuan, hak-hak serta batasan hakmilik sementara ini.

( 20 markah )

4. "Rantailan hakmilik tidak boleh menjadi lebih kukuh daripada sambungannya yang terlemah".

Berikan komen anda tentang pernyataan di atas.

( 20 markah )

#### Bahagian B

5. Bincangkan garis panduan pentadbiran ubah syarat dan pecah sempadan tanah seperti yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara (Akta 56, 1965). Mengapakah kerap berlaku kelewatan untuk memproses permohonan ini?

( 20 markah )

6. Bincangkan masalah-masalah yang lazim berlaku apabila seseorang pemohon ingin memenuhi syarat-syarat penyatuan tanah.

( 20 markah )

7. Mengapakah pihak Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas apabila timbul keperluan mengambil tanah secara paksa? Bincangkan garis panduan peraturan pengambilan tanah secara paksa berteraskan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960.

( 20 markah )